

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

PLG 221 - Perkembangan Pendidikan di Malaysia

Masa : [2 jam]

Arahan kepada Calon:

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B.
 2. Jawab TIGA soalan kesemuanya.
 3. Jawab Bahagian A dalam kertas soalan dan Bahagian B dalam jawapan.
 4. Anda dikehendaki menjawab Bahagian A dahulu iaitu dalam masa 40 minit pertama, kemudian asingkan Bahagian A dari Bahagian B dan serahkan Bahagian A.
 5. Jawab DUA soalan lagi dari Bahagian B.
 6. Asingkan Jawapan anda bagi tiap-tiap soalan.
-

- 2 -

Bahagian A (40 markah).

Jawab semua soalan dengan seberapa tepat dan ringkas yang boleh. Tulis jawapan anda di ruang kosong yang disediakan.

1. Beri satu dari metos moden yang menjustifikasi kolonialisma Barat di Asia.

2. Apakah yang dimaksudkan dengan "halqa" dalam sistem pondok?

3. Apakah yang anda faham antara "masyarakat Melayu Nusantara" dengan konsep "pribumi"?

Angka giliran: _____

(PLG 221)

- 3 -

4. Beri satu sebab terpenting di sebalik tujuan British menubuhkan

(a) Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI).

(b) Malay College Kuala Kangsar (MCKK).

5. Beri DUA ciri perkembangan Sekolah Cina yang menyebabkan Enakmen 1920 dikuatkuasakan.

6. Apakah DUA akibat dari pengkuatkuasaan Kod Buruh 1925 untuk Sekolah Tamil?

... 4/-

Angka giliran: _____

(PLG 221)

- 4 -

7. Beri DUA perbezaan dasar British terhadap pendidikan orang Melayu dengan pendidikan kaum pendatang.

8. Apakah yang anda faham dengan perkataan:

- (a) Bahasa Pengantar?

- (b) Sistem Vernakular?

Angka giliran: _____

(PLG 221)

- 5 -

9. Beri DUA ciri "Sistem Persekolahan Majmuk"

10. Apakah yang dimaksudkan dengan DUA corak di bawah ini dalam persekolahan Melayu.

(a) dwideret

(b) mengekalikan status quo

11. Bidangtugas Jawatankuasa Razak yang terpenting ialah:

...6/-

Angka giliran : _____

((PLG 221))

- 6 -

12. DUA syor Jawatankuasa Rahman Talib mengenai Sekolah Rendah ialah :

(a)

(b)

13. Sistem latihan guru paduan dimulakan pada tahun 1973 dengan tujuan utama untuk:

14. Apakah maksud jenis pemeriksaan oleh Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan:

(a) "Pemeriksaan biasa"

Angka giliran: _____

(PLG 221)

- 7 -

(b) "Pemeriksaan penuh"

15. Beri SATU ciri penting sistem Anekajurusam.
- -----

16. Beri nama DUA kumpulan/mazhab mubaligh kristian yang bergiat di kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak.
- -----

...8/-

Angka giliran: _____

(PLG 221)

- 8 -

17. Dengan merujuk kepada perakuan dari Laporan Jawatankuasa Kabinet, apakah perubahan jelas yang dilaksanakan dalam KBSR?

18. Kegiatan ko-kurikulum di sekolah terbahagi kepada tiga bahagian iaitu:

... 9 /-

Angka giliran: _____

(PLG 221)

- 9 -

19. Merujuk kepada Laporan Jawatankuasa Kabinet, tujuan utama kegiatan ko-kurikulum di luar bilik darjah ialah:

(a)

(b)

20. Apakah yang dimaksudkan oleh Ibrahim Saad dengan:

(a) Integrasi mendatar.

(b) Integrasi tegak.

...10/-

Bahagian B

Jawab DUA soalan sahaja.

Mulakan setiap jawapan pada kertas yang berasingan (baru).

1. Di antara tahun-tahun 1950 - 1952 sahaja terdapat tiga Jawatankuasa Pelajaran. Bincangkan dengan kritis mengapa ini telah berlaku.

(30 markah)

2. Pilih EMPAT syor-syor penting yang telah diutarakan oleh Laporan Razak (1956) tetapi telah disemak semula dan diubahsuai corak pelaksanaannya oleh Jawatankuasa Penyemak Dasar Pelajaran, 1960. Bincangkan corak pelaksanaannya.

(30 markah)

3. Beri ulasan terhadap DUA daripada perkara-perkara berikut:

- (a) Satu corak pendidikan masyarakat pribumi sebelum kedatangan British.
- (b) Peranan R.O.Windstedt atau O.T. Dussek terhadap pelajaran orang Melayu.
- (c) Tunjukkan kedudukan bahagian Latihan Guru di dalam Sistem Pentadbiran Pendidikan. Bincangkan fungsinya.
- (d) Sejarah perkembangan Bahasa Inggeris dan kedudukannya dalam Sistem Pendidikan di Malaysia kini.

(30 markah)

...11/-

4. Jawab mana-mana SATU daripada tajuk-tajuk berikut:

- (a) Bandingkan perkembangan pendidikan sebelum dan selepas pembentukan Malaysia sama ada di Sabah atau di Sarawak.
- (b) Bagaimanakah Pendidikan Teknik dan Vokasional berkembang mengikut keperluan tenaga mahir di Malaysia.
- (c) Jelaskan apakah yang dimaksudkan dengan konsep "bersepadu" di dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)

(30 markah)

- oooOooo -